



Foto: SALHANI IBRAHIM

ZOHARI (kanan), Muhammad (dua dari kanan) dan Ahmad Asri (tiga dari kanan) melihat bahan binaan IBS yang digunakan selepas sesi Townhall di Kuala Lumpur, semalam.

## MANDATORI GUNA BAHAN BINAAN IBS

■ Pihak swasta diberi tempoh peralihan tiga tahun

Nabil Basaruddin  
nabil.basaruddin  
@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Penggunaan Sistem Bangunan Industri (IBS), yang berupaya menjadi pemangkin pertumbuhan sektor pembinaan negara bakal dijadikan mandatori kepada semua pemaju hartanah sektor swasta dan diberikan tempoh peralihan selama tiga tahun bermula tahun ini.

Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, Datuk Seri Zohari Akob berkata, langkah tegas itu adalah usaha kerajaan dalam melaksana-

“Selepas tempoh tiga tahun, sistem IBS wajib dilaksanakan pihak pemaju swasta kerana ia adalah tunjang dalam mewujudkan permintaan dan penawaran kukuh”

Zohari

kan satu sistem pembinaan mengikut standard lebih baik, sekali gus membantu mengawal harga rumah di pasaran.

Beliau berkata, pemaju sektor swasta diberikan tempoh tiga tahun untuk mempersiapkan dan memper-

kemaskan kembali operasi syarikat supaya mereka dapat mengguna pakai sistem IBS selepas garis masa yang ditetapkan kerajaan.

“Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPPT) mengambil inisiatif bersepadu dalam merencanakan lagi penggunaan sistem ini di sektor swasta secara menyeluruh demi menajayakan dasar pembangunan negara.

“Selepas tempoh tiga tahun, sistem IBS wajib dilaksanakan oleh pihak pemaju swasta kerana ia adalah tunjang dalam mewujudkan permintaan dan penawaran kukuh khusus un-

tuk masa depan industri,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas sesi Townhall Mekanisme Mewajibkan Kaedah IBS di sini, semalam. Hadir sama Ketua Setiausaha KPPT, Datuk Muhammad Mentek dan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), Datuk Ahmad Asri Abdul Hamid.

Sesi Townhall dengan tajuk Mekanisme Mewajibkan Penggunaan Kaedah IBS Dalam Industri Pembinaan adalah untuk mendapatkan maklum balas daripada semua pihak sebagai panduan sebelum kerajaan mewajibkan penggunaannya dalam projek pembinaan swasta.